



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**SEMAKAN SEMULA LANGKAH KAWALAN SEMASA FASA
PERALIHAN KE ENDEMIK**

Bermula pada 1 April 2022, Malaysia telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam, termasuk program vaksinasi COVID-19 dalam menguruskan penularan jangkitan COVID-19 dalam negara.

Sistem perkhidmatan kesihatan kini berada pada tahap yang semakin pulih dengan kadar kemasukan kes COVID-19 ke hospital dan penggunaan wad rawatan rapi semakin berkurangan. Kejayaan ini juga disumbang oleh kesedaran orang ramai mengenai kepentingan mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang telah disarankan oleh Kerajaan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin mengucapkan terima kasih dan syabas kepada seluruh Keluarga Malaysia atas kerjasama yang diberikan.

Mengambil kira situasi COVID-19 di Malaysia ketika ini, KKM telah meneliti dan melakukan semakan semula ke atas langkah-langkah kawalan dan pencegahan COVID-19 yang boleh dilaksanakan semasa dalam Fasa Peralihan ke Endemik ini.

1. PROTOKOL UJI DAN LEPAS (TEST & RELEASE) BAGI KES POSITIF COVID-19

- Kes positif COVID-19 perlu menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari dari tarikh sampel positif diambil.
 - Individu boleh dilepaskan daripada pengasingan bermula pada hari ke-4 sekiranya telah disahkan negatif menerusi ujian RTK Antigen yang diselia oleh pengamal perubatan.
 - Walau bagaimanapun, sekiranya masih positif, individu tersebut perlu melengkapkan tempoh pengasingan tujuh (7) hari.
 - Ujian tersebut hendaklah dilakukan menggunakan RTK-antigen kendiri dengan penyeliaan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC), sama ada secara fizikal ataupun secara maya (virtual).
 - Keputusan ujian tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sistem eCOVID oleh pengamal perubatan bagi memastikan integrasi data dengan aplikasi MySejahtera dapat berlaku dalam tempoh kurang daripada satu (1) jam, agar individu tersebut segera mendapat perintah pelepasan daripada pengasingan apabila keputusan ujian pengesanan tersebut negatif COVID-19.
 - Sekiranya individu tidak memilih untuk menjalani ujian pengesanan COVID-19, maka pelepasan akan diberikan secara automatik setelah menjalani pengasingan selama tujuh (7) hari.

2. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN VAKSINASI LENGKAP UNTUK MASUK KE PREMIS

- Kemasukan individu ke mana-mana premis adalah dibenarkan **tanpa mengira status vaksinasi mereka**; dan
- Individu yang tidak dibenarkan masuk ke premis adalah:
 - Individu positif COVID-19 walaupun mempunyai status vaksinasi lengkap
 - Individu dalam tempoh HSO termasuk pengembara tanpa vaksinasi lengkap yang baru tiba di Malaysia.

3. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PENGUJIAN COVID-19 KE ATAS PENGEMBARA WARGANEGARA DAN BUKAN WARGANEGARA YANG BARU TIBA DI MALAYSIA

- Keperluan pengujian pengesanan COVID-19 **sebelum berlepas** ke Malaysia dan pengujian COVID-19 **semasa ketibaan DIGUGURKAN** bagi kumpulan pengembara berikut:
 - Pengembara berusia 13 tahun dan ke atas yang **telah lengkap vaksinasi**;
 - Pengembara yang mempunyai **sejarah jangkitan COVID-19 dalam tempoh 6 ke 60 hari dari tarikh sembah** sebelum berlepas ke Malaysia.
 - Pengembara berusia 12 tahun dan ke bawah tanpa mengira status vaksinasi
- Bagaimanapun, pengembara dengan status vaksinasi tidak lengkap atau belum menerima vaksinasi **PERLU**:

- a) Melakukan ujian pra-pelepasan dua (2) hari sebelum berlepas ke Malaysia (RT-PCR atau RTK-Ag Professional);
 - b) Menjalani ujian pengesanan COVID-19 dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan menggunakan RTK antigen dengan penyeliaan pengamal perubatan swasta sama ada secara fizikal atau virtual;
 - c) Menjalani kuarantin wajib selama lima (5) hari di tempat penginapan termasuk rumah; dan
 - d) dikehendaki menjalani RT-PCR pada hari keempat atau RTK-Ag professional pada hari kelima.
- Pengembara yang dikesan bergejala semasa berada di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara akan diarahkan menjalani ujian saringan COVID-19 menggunakan RTK antigen (Ag) professional.
 - Polisi yang sama akan digunakan bagi semua kategori pengembara termasuk Umrah, Haji dan pekerja asing.
 - Bagi pengembara **Umrah** dan **Haji**, mereka dikehendaki mendapatkan vaksinasi dos penggalak sebelum berlepas ke Tanah Suci.
 - Semua pengembara masih perlu mengemukakan *Traveller's Card* yang dipaparkan di dalam aplikasi MySejahtera semasa ketibaan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA).

4. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN INSURAN COVID-19 SEBELUM MASUK KE MALAYSIA

- Insurans COVID-19 bagi pengembara bukan warganegara Malaysia **tidak lagi menjadi pra-syarat** kemasukan ke Malaysia.

5. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA

- Pemakaian pelitup muka adalah **WAJIB** apabila berada di dalam bangunan (*indoor*) dan di dalam pengangkutan awam termasuk e-Hailing.
- Namun pemakaian pelitup muka di luar bangunan (*outdoor*) dan kawasan terbuka adalah atas pilihan (*optional*) tetapi **AMAT DIGALAKKAN** kerana pelitup muka mampu mengurangkan penularan jangkitan

A. Dalam Bangunan (*Indoor*) dan Pengangkutan Awam termasuk e-hailing

- Pemakaian pelitup muka **diwajibkan** apabila berada di dalam bangunan (*indoor*) termasuk gedung membeli belah dan pengangkutan awam termasuk e-hailing;
- Penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342] dan peraturan-peraturan di bawahnya akan dikenakan ke atas individu yang gagal mematuhi arahan pemakaian pelitup muka ini; dan
- Pelitup bagaimanapun muka boleh ditanggalkan:
 - Semasa melakukan senaman berat di dalam bangunan tetapi ia hendaklah segera dipakai semula setelah selesai melakukan senaman tersebut
 - Sekiranya berseorangan di dalam suatu ruang.
 - Ketika sedang makan, minum
 - Ketika sedang berucap
 - Membuat persembahan
- Pemakaian pelitup muka terutamanya di dalam bangunan dan pengangkutan awam masih lagi penting untuk melindungi diri serta

orang disekeliling kita, terutamanya mereka yang berisiko tinggi seperti warga emas, kanak-kanak dan individu *immunocompromised*.

B. Luar Bangunan (*Outdoor*)

- Pemakaian pelitup muka **tidak diwajibkan** di luar bangunan (*outdoor*). Ini mengambil kira risiko penularan jangkitan yang rendah dalam keadaan di mana ventilasinya adalah baik;
- Walau bagaimanapun, KKM **menggalakkan** agar pemakaian pelitup muka di luar bangunan terus diamalkan terutamanya apabila:
 - Berada di kawasan ramai orang dan sesak seperti bazaar ramadan, pasar malam, stadium;
 - Individu yang bergejala seperti demam, batuk dan selsema;
 - Individu yang berisiko tinggi;
 - Melakukan aktiviti bersama orang yang berisiko tinggi seperti warga emas dan kanak-kanak.

6. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PENJARAKAN FIZIKAL DALAM SOP MKN

- Keperluan penjarakan fizikal di dalam SOP MKN terbitan 1 April 2022 juga telah disemak semula.
- Mengambil kira semua aktiviti telah dibenarkan dengan penggunaan 100% kapasiti ruang, maka penjarakan fizikal di antara individu atau kumpulan tidak diperlukan.
- Namun begitu, penjarakan fizikal digalakkan dalam keadaan tidak memakai pelitup muka.

7. SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN IMBASAN KOD QR MySejahtera

- Imbasan kod QR MySejahtera **TIDAK DIWAJIBKAN** apabila memasuki premis atau tempat-tempat awam. Bagaimanapun, saya ingin menyeru supaya anda semua mengaktifkan fungsi MySJ Trace untuk tujuan pengesanan kontak;
- Individu dengan status “**High Risk**” pada aplikasi MySejahtera iaitu **kes positif COVID-19** dan **individu yang diberi arahan HSO**, tidak dibenarkan masuk ke premis; dan
- Pihak pengurusan premis hendaklah menyemak **status risiko** individu dalam aplikasi MySejahtera yang akan memasuki premisnya.
- Aplikasi MySejahtera masih lagi penting untuk digunakan antara lain bagi tujuan pelaporan keputusan ujian pengesanan COVID-19 dan arahan Perintah Pengawasan dan Pemantauan (HSO). Ia juga penting untuk membantu KKM dalam pencegahan dan kawalan COVID-19.

7.1 HOTSPOT TRACKER UNTUK MYSEJAHTERA

- Saya juga ingin umumkan, sejajar dengan Fasa Peralihan ke Endemik, MySejahtera, sebagai aplikasi kesihatan awam akan ditambah baik dengan pengenalan ciri-ciri baharu.
- Sebagai permulaan, fungsi yang sedia ada, iaitu Hotspot Tracker yang dahulunya digunakan untuk menjelak kawasan titik panas kes COVID-19, kini akan diubah sebagai *Infectious Disease Tracker* untuk melihat kawasan titik panas penyakit-penyakit lain iaitu *rabies* (penyakit anjing gila), demam campak (*measles*), penyakit tangan, kaki & mulut (HFMD) dan denggi. Kawasan ini

akan ditentukan berdasarkan jumlah kes aktif di kawasan lingkungan pengguna untuk setiap penyakit berjangkit.

- Saya menyeru agar rakyat Malaysia mengambil peluang menggunakan fungsi yang ditambah baik ini terutamanya apabila hendak balik ke kampung, berhari raya ke rumah saudara mara atau pergi bercuti. Ini adalah langkah proaktif bagi mengelakkan daripada mengunjungi kawasan yang berisiko tinggi berlaku penularan penyakit berjangkit, terutamanya jika bersama-sama mereka yang berisiko tinggi dan mempunyai komorbiditi.
- Saya juga amat menggalakkan persatuan-persatuan komuniti menggunakan fungsi ini untuk membantu dalam mengawal penularan penyakit berjangkit ini di kawasan kediaman masing-masing dengan melaksanakan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong serta pembersihan kawasan perumahan dan perkampungan.

8. ETIKA SALAM DAN PENJAGAAN KEBERSIHAN TANGAN

- **Salam dibenarkan, TETAPI** sentiasa mencuci atau membersihkan tangan dan jangan sentuh muka selepas bersalaman.

Kesemua ketetapan atau protokol baharu yang dinyatakan di atas akan **MULA BERKUAT KUASA PADA AHAD, 1 MEI 2022** dan turut terpakai ke atas mereka yang sedang menjalani pengasingan.

9. SENARAI AKTIVITI DILARANG (NEGATIVE LIST) DALAM SOP MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (MKN)

- Semua senarai aktiviti yang tidak dibenarkan di dalam SOP Majlis Keselamatan Negara terbitan 1 April 2022 **DIGUGURKAN**.
- Agensi berkaitan sedang menyediakan protokol bagi pengoperasiannya.
- Prosedur ini akan mula berkuat kuasa pada Ahad, **15 Mei 2022**.

PROTOKOL SAMBUTAN HARI RAYA TAHUN 2022

Sebagai persediaan bagi menyambut ketibaan Syawal pada awal bulan Mei 2022, KKM menggariskan protokol berkaitan sambutan Hari Raya bagi memastikan Keluarga Malaysia menyambutnya dalam keadaan yang meriah dan selamat. Protokol ini adalah sebagai panduan umum. Namun, ia tertakluk kepada ketetapan dan SOP oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

AKTIVITI	PROTOKOL SAMBUTAN HARI RAYA 2022
TAKBIR HARI RAYA	<ul style="list-style-type: none">• Dibenarkan dibuat di masjid dan surau• Dibenarkan dibuat rumah ke rumah TETAPI perlu sentiasa memakai pelitup muka• Individu positif COVID-19 dilarang untuk menyertai.• Digalakkan hanya individu tanpa gejala dan lengkap vaksinasi untuk menyertai.

SOLAT SUNAT HARI RAYA	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan di masjid atau surau dengan kapasiti 100% Semua Jemaah hendaklah sentiasa memakai pelitup muka semasa berada dalam masjid atau surau termasuk semasa sedang solat. Individu positif COVID-19 dilarang untuk menyertai. Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.
KAWALAN PENULARAN DAN JANGKITAN	<ul style="list-style-type: none"> Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan hadir ke masjid atau surau atau rumah terbuka atau majlis hari raya. Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.
ETIKA JEMAAH	<ul style="list-style-type: none"> Elakkan 3S Amalkan 3W Galakkan wudhu di rumah dan membawa sejадah sendiri Masuk ikut giliran untuk mengelakkan kesesakan Bersurai dengan tenang
JAMUAN SELEPAS SOLAT DI MASJID ATAU SURAU	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan Digalakkan memakai pelitup muka ketika tidak menjamu selera Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.
PROGRAM ZIARAH	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan Digalakkan memakai pelitup muka ketika ziarah. Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan hadir atau menyertai program ziarah. Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.
ZIARAH TANAH PERKUBURAN	<ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan Digalakkan memakai pelitup muka. Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan melakukan ziarah tanah perkuburan. Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.

RUMAH TERBUKA ATAU MAJLIS HARI RAYA (<i>INDOOR</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan dengan syarat memakai pelitup muka. • Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan hadir dalam majlis. • Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.
RUMAH TERBUKA ATAU MAJLIS HARI RAYA (<i>OUTDOOR</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Dibenarkan • Digalakkan memakai pelitup muka. • Kes positif COVID-19 tidak dibenarkan hadir dalam majlis. • Individu bergejala tidak digalakkan untuk menyertai.

KESIMPULAN DAN NASIHAT

Aidilfitri kali ini adalah satu rahmat untuk kita raikan bersama keluarga, sanak saudara dan sahabat handai selepas dua (2) tahun kita memerangi pandemik COVID-19. Oleh itu dalam Fasa Peralihan ke Endemik ini, menjadi tanggungjawab kita untuk pastikan perayaan ini tidak berakhir dengan kemudaratan.

Kebebasan ini bukanlah bermakna kita telah menang dalam peperangan melawan COVID-19 dan kita kena pastikan perayaan ini tidak berakhir dengan kemudaratan. Walaupun tidak bergejala, kita berkemungkinan menjadi pembawa virus COVID-19. Amalkan dan lakukan ujian kendiri sebelum anda pulang ke kampung untuk pastikan ahli keluarga yang berisiko tinggi dilindungi daripada mendapat gejala teruk COVID-19.

Kanak-kanak yang belum divaksin dan warga emas, terutamanya yang ada komorbiditi, berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19 yang teruk. Sehingga 26 April 2022, kadar pemberian dos penggalak kepada warga emas adalah 76.8 peratus, manakala kadar pemberian dos 1 dan 2 untuk kanak-kanak adalah masing-masing 42.3 peratus dan 21.4 peratus.

Kadar vaksinasi kanak-kanak yang masih lagi rendah dengan tarikh tutup 15 Mei semakin hampir amat membimbangkan. Untuk makluman, dari **Oktobre 2021 hingga April 2022**, sebanyak **245 kes** Sindrom Keradangan Pelbagai Sistem pada Kanak-Kanak atau *Multisystem Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C)* akibat jangkitan COVID-19 dilaporkan.

Dua hari lepas kita juga menerima perkhabaran melalui laman media sosial Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan mengenai seorang kanak-kanak berumur sebelas tahun yang telah mengalami Multisystem Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) selepas dijangkiti COVID-19 dan telah meninggal dunia. Beliau tidak menerima vaksin COVID-19.

KKM amat bersimpati dan mengucapkan takziah kepada keluarga arwah. Semoga kejadian ini menjadi iktibar dan pendorong kepada ibu bapa lain untuk segera mendapatkan vaksin COVID-19 bagi anak-anak mereka yang layak.

Segeralah bawa anak anda mendapatkan vaksin COVID-19 dan pastikan warga emas dalam kalangan ahli keluarga dan komuniti mengambil dos penggalak. Bersama kita lindungi mereka dan nikmati perayaan ini dengan selamat, sihat dan sejahtera.

KKM akan terus memantau situasi COVID-19 di dalam dan luar negara serta komited meningkatkan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan. Bekalan alat perlindungan diri (PPE) dan ubat-ubatan termasuk anti-viral juga akan dipastikan mencukupi pada setiap masa.

Sekian, terima kasih.

KHAIRY JAMALUDDIN

Menteri Kesihatan Malaysia

27 APRIL 2022